

Ujian keberkesanan vaksin Covid-19 dilakukan di Malaysia

[BERNAMA](#)



VAKSIN Covid-19. FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI

Kuala Lumpur: Ujian ImmuSAFE biochip COVID+ yang dibangunkan bersama Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute (MARii), Sengenics dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), akan digunakan sebagai salah satu ujian bagi mengesahkan keberkesanan pelbagai jenis vaksin yang digunakan di Malaysia.

MARii dalam satu kenyataan semalam berkata, ia selaras dengan matlamat bagi mencapai komuniti kelompok di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

"Kementerian Kesihatan (KKM) mengumumkan bahawa ujian respons imun yang berkaitan dengan vaksin Covid-19 akan dijalankan dengan menggunakan teknologi ImmuSAFE biochip.

"ImmuSAFE adalah ujian serologi Covid-19 (pemeriksaan serum darah) pelbagai antigen dan pelbagai domain yang pertama seumpamanya di dunia, dibangunkan di makmal yang mengandungi sembilan domain disahkan berfungsi atau protein Nucleocapsid (N) and Spike (S) SARS-CoV-2 expressed, menggunakan teknologi 'folding protein Sengenics' KREX'," menurut kenyataan itu tadi.


Menurutnya, ujian itu sepenuhnya kuantitatif yang membolehkan pemeriksaan tinggi sampel Covid-19 untuk diagnosis jangkitan semasa atau sebelumnya, serta untuk pengukuran dan penyetempatan pengikatan antibodi, justeru memberikan cara untuk mengenal pasti korelasi antibodi terhadap perlindungan yang sedang berlangsung, dan pembangunan imuniti tahan lama terhadap jangkitan SARS-CoV-2 yang akan datang.

MARii berkata, ujian ImmuSAFE membolehkan ujian kuantitatif prevalens antibodi perlindungan menentang Covid-19 yang dihasilkan

Trending



['Dadah jihad' bernilai lebih RM221 juta dirampas](#)



['Wanita' 20,000 pengikut](#)



[Banyak beristighfar bang...](#)



[Kemaluan dipotong selepas dipaksa ketuk ketampi](#)



[Identiti pelaku masih misteri](#)

prevalens antibodi perlindungan menentang Covid-19, yang dihasilkan oleh sistem imun badan, sama ada menerusi vaksinasi atau pembangunan semula jadi daripada jangkitan.

"Ini bermakna ImmuSAFE membekalkan kaedah verifikasi yang boleh diukur bagi mengesahkan keberkesanan sebarang imunisasi yang terhasil, tanpa mengira jenis vaksin yang digunakan.

"Ujian ImmuSAFE mempunyai sensitiviti dan ketepatan 100 peratus, dan disahkan oleh IMR, badan penyelidikan perubatan bio KKM. Ini menjadikan ia sebagai platform yang ideal bagi mengesahkan keupayaan vaksin untuk mengimunkan populasi dengan lebih berkesan, di samping lain-lain penggunaan dalam kajian COVID-19 seroprevalence," tambahnya.

MARii turut mengumumkan bahawa pihaknya bekerjasama dengan KKM dalam kajian longitudinal ke atas antibodi dalam kalangan pesakit yang sudah pulih daripada jangkitan Covid-19, atau asimptomatik, walaupun positif Covid-19.

Menurut kenyataan itu kajian longitudinal membabitkan pemerhatian dan ujian kuantatif untuk satu tempoh masa bagi mengenal pasti keupayaan individu mengekalkan antibodi perlindungan dalam sistem imun mereka.

"ImmuSAFE boleh digunakan bagi mengenal pasti individu yang mempunyai pelbagai tahap antibodi yang berpotensi meneutralkan SARS-CoV-2," katanya.


Menurutnya data dan hasil kajian akan memberikan kefahaman yang lebih baik bentuk imunisasi dan pengurusan kesihatan di masa akan datang.

MARii adalah sebuah agensi yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) yang berperanan untuk memacu pembangunan sistem pintar strategik dan operasi melalui kemanusiaan dan penggunaan platform pintar, aplikasi serta teknologi digital seperti Big Data Analytics dan Kecerdasan Buatan.

- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: April 7, 2021 @ 3:52pm

Artikel Berkaitan



Mutakhir



[Pegawai kanan TLDM direman](#)



[Solat tarawih, aktiviti imarah masjid dan surau dibenarkan](#)



[40 dikompaun langgar SOP](#)



[2 kru kapal meleur](#)



[66 peratus kawasan di KL, Gombak terima bekalan air sepenuhnya](#)



[15 warga Myanmar ditahan bawa surat kebenaran palsu](#)

MyResipi



[Jom Cuba Buat Wool Roll Bread, Resepi Roti Viral Yang Lembut & Gebu](#)



[Ini Resepi Nasi Arang & Ruz Makhbar, Menu Nasi Berperisa Sebagai Pembuka Selera](#)



[Resepi Cucur Labu & Gluten Free, Kuih Manis Ala-Ala Kaum Cina](#)



[Jemu Makan Ikan Siakap 3 Rasa? Jom Cuba Siakap Grill Garlic Butter, Anak Mesti Suka!](#)



[Jom Cuba 8 Resipi Kuih Raya Menggunakan Coklat Cadbury, Mudah Disediakan dan Sedap!](#)




UTAMA

Ujian vaksin keenam



MUTAKHIR

Kajian klinikal fasa 3 vaksin Covid-19 bermula



GLOBAL

Bekas pesakit Covid-19 tidak 'kebal' jangkitan kedua



AMERIKA UTARA

Kanak-kanak jalani ujian vaksin



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

- Hubungi Kami
- Team myMetro
- RSS Feed
- Disclaimer
- Notis Perlindungan Data Peribadi

- Utama
- Mutakhir
- Global
- Arena
- Rap/Rapxtra
- Bisnes
- MetroTV

- Akademia
- #ITMetro
- Ku Bela
- Santai
- P&P
- Dekotaman
- WM

- Addin
- Rencana
- Sihat
- Xpresi
- Vroom
- Galeri
- Infografik